

Received	19 June 2025	Accepted	19 June 2025
Revised	27 June 2025	Published	30 June 2025
Volume	6, June 2025	Pages	14-26
http://doi.org/			
To cite: Khazri Osman, et.al. 2025. Penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah: kepentingan, cabaran dan implikasinya terhadap keberkesanan dakwah. <i>Al-Qalam International Journal of Arabic Studies</i> . Vol. 6 (June 2025): 14-26. DOI: http://doi.org/			

Penguasaan Bahasa Arab dalam Kalangan Pendakwah: Kepentingan, Cabaran dan Implikasinya terhadap Keberkesanan Dakwah

The Mastery of Arabic Language Among Preachers: Its Importance,
Challenges, and Implications for the Effectiveness of Da'wah

Khazri Osman¹, Nur Iffah Faqihah Amari², Sanaa Mahmoud Ahmed Ahmed³
& Mohamad Zulkifli Abdul Ghani⁴

Abstrak

Penguasaan bahasa Arab merupakan asas penting dalam pelaksanaan dakwah Islamiah kerana bahasa ini menjadi medium utama kepada sumber primer agama Islam seperti al-Quran, al-Hadith, dan kitab-kitab turath. Namun begitu, tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah di Malaysia masih menjadi persoalan, terutamanya dalam konteks keberkesanan penyampaian dakwah kepada masyarakat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk eksploratori. Data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur bersama empat orang informan yang aktif dalam bidang dakwah dan memiliki latar belakang pengajian Islam, khususnya dalam bidang bahasa Arab. Dapatan temu bual ini disokong dengan kajian kepustakaan bagi memperkukuh kefahaman terhadap isu yang dikaji. Analisis data dijalankan secara tematik melalui proses pengekodan dan pengecaman tema utama. Kajian mendapati bahawa penguasaan bahasa Arab sangat penting dalam memastikan ketepatan penyampaian dakwah, namun para

¹ Khazri Osman, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-Mel: khazri@ukm.edu.my

² Nur Iffah Faqihah Amari, Program Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mel: iffahfaqihah2002@gmail.com

³ Sanaa Mahmoud Ahmed Ahmed, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-mel: P153931@siswa.ukm.edu.my

⁴ Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. e-Mel: zulghani@ukm.edu.my

pendakwah berdepan cabaran seperti kesukaran memahami teks Arab klasik, kurangnya latihan lanjutan, dan kekangan persekitaran bahasa. Selain itu, masyarakat juga mempunyai persepsi yang tinggi terhadap kemampuan pendakwah, yang menambah tekanan kepada mereka. Para informan turut menekankan kepentingan adab, keikhlasan dan kefahaman audiens sebagai nilai penting dalam keberkesanan dakwah. Kajian mencadangkan agar penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah ditingkatkan melalui latihan berterusan, sokongan komuniti, dan penggunaan pendekatan kontekstual dalam penyampaian dakwah. Integrasi kaedah tradisional dengan teknologi moden turut disarankan bagi menarik minat masyarakat pelbagai latar belakang. Secara keseluruhan, penguasaan bahasa Arab bukan sahaja menjadi alat dakwah, tetapi juga mencerminkan kredibiliti dan keilmuan seseorang pendakwah dalam menyampaikan ajaran Islam secara sahih dan berkesan.

Kata kunci: Penguasaan bahasa Arab, dakwah Islamiah, pendakwah Malaysia, keberkesanan penyampaian dakwah

Abstract

Mastery of the Arabic language is a fundamental pillar in the implementation of Islamic da'wah, as it serves as the primary medium for the core sources of Islam such as the Qur'an, Hadith, and classical Islamic texts (turath). However, the level of Arabic proficiency among da'wah practitioners in Malaysia remains a pertinent issue, particularly in relation to the effectiveness of da'wah delivery to the public. This study employs a qualitative approach using an exploratory design. Data were collected through semi-structured interviews with four informants who are actively involved in da'wah and possess educational backgrounds in Islamic studies, particularly in Arabic. The interview findings were further supported by a literature review to strengthen the understanding of the research issue. Data analysis was conducted thematically through coding and identifying major themes. The study found that proficiency in Arabic is crucial for the accuracy of da'wah delivery. Nonetheless, da'wah practitioners face challenges such as difficulty in understanding classical Arabic texts, a lack of advanced training, and limited language immersion environments. Moreover, the public's high expectations of da'wah practitioners contribute to additional pressure. The informants also emphasized the importance of etiquette, sincerity, and audience understanding as key values in effective da'wah. The study recommends enhancing Arabic proficiency among da'wah practitioners through continuous training, community support, and contextual approaches in da'wah delivery. The integration of traditional methods with modern technology is also proposed to engage audiences from diverse backgrounds. Overall, Arabic language

mastery not only functions as a tool for da'wah but also reflects the credibility and scholarly authority of a da'wah practitioner in conveying Islamic teachings authentically and effectively.

Kata kunci: *Arabic language proficiency, Islamic da'wah, Malaysian preachers, effectiveness of da'wah delivery*

Pengenalan

Dakwah merupakan satu bentuk usaha ilmiah dan terancang dalam menyampaikan seruan agama yang dilaksanakan secara sedar. Penyampaian ini boleh berlaku melalui tutur kata, penulisan, atau teladan tingkah laku. Matlamatnya adalah untuk mempengaruhi individu agar mencapai kefahaman, kesedaran, penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran agama. Amat penting ditekankan bahawa proses ini hendaklah bebas daripada sebarang unsur paksaan (Bustanol Arifin 2018). Dalam konteks agama, bahasa Arab memiliki keistimewaan yang tersendiri. Keistimewaan ini membentuk asas kepada pendidikan agama Islam kerana bahasa Arab menjadi sumber utama bagi pelbagai cabang ilmu keislaman. Bahasa ini digunakan untuk memahami al-Quran, hadis, tafsir, ilmu fiqh, ilmu kalam, tasawuf, dan pelbagai bidang ilmu Islam lain yang menuntut penguasaan bahasa Arab. Oleh itu, dapat ditegaskan bahawa bahasa Arab sebagai bahasa agama Islam merupakan suatu keperluan asas bagi seluruh umat Islam. Bagi seorang pendakwah atau da'i, penguasaan bahasa Arab adalah suatu kemestian. Hal ini demikian kerana nilai-nilai dakwah dan asas pengajaran dakwah secara hakikinya bersumber daripada al-Quran dan hadis. Oleh itu, kemampuan menguasai bahasa Arab menjadi keperluan utama. Bahkan, selaras dengan perkembangan zaman, pengetahuan dalam bahasa Arab tetap menjadi antara ukuran terpenting dalam keberkesanan dakwah (Burhanuddin & Maulana Yusuf 2015). Dalam sektor pelancongan pula, kehadiran pelancong Arab ke Malaysia pada setiap musim panas didorong oleh tarikan alam semula jadi tropika yang kaya dengan pelbagai jenis flora dan fauna, di samping kepelbagaian etnik dalam masyarakat tempatan. Selain itu, kewujudan pusat membeli-belah yang berkembang pesat turut menjadi antara faktor utama yang menarik minat pelancong dari Timur Tengah untuk memilih Malaysia sebagai destinasi percutian mereka (Mohammad Imran Ahmad 2017). Fenomena ini membuka ruang besar kepada usaha dakwah secara tidak langsung (dakwah bil hal), khususnya melalui interaksi mesra, layanan beradab serta perkhidmatan profesional oleh masyarakat Islam tempatan yang mampu mencerminkan keindahan akhlak Islam. Dalam hal ini, pendakwah berperanan penting untuk memanfaatkan peluang dakwah lintas budaya ini dengan menggunakan bahasa Arab sebagai medium komunikasi dan menjadikan sektor pelancongan sebagai medan menyampaikan mesej Islam secara hikmah dan berhikmah kepada pelancong Muslim dari dunia Arab. Namun demikian, beberapa cabaran timbul dalam menguasai bahasa Arab untuk komunikasi dakwah yang berkesan. Ramai pelajar dan pendakwah menghadapi kesukaran dalam penguasaan bahasa Arab yang tidak memadai, yang boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk menyampaikan mesej dengan jelas dan tepat (Umar & Qadaruddin 2021). Realitinya menunjukkan bahawa tidak semua pendakwah hari ini benar-benar menguasai bahasa

Arab dengan mendalam. Terdapat jurang antara keperluan penguasaan bahasa Arab dalam konteks dakwah dan tahap penguasaan sebenar dalam kalangan pendakwah. Sebahagian besar pendakwah masih bergantung kepada kitab terjemahan atau bahan sekunder yang kadang kala menimbulkan isu ketepatan dalam menyampaikan maklumat agama. Ini menimbulkan persoalan penting: apakah cabaran utama yang dihadapi oleh para pendakwah dalam menguasai bahasa Arab, dan bagaimana cabaran ini memberi kesan kepada keberkesanan dakwah? Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka dan menganalisis kepentingan serta cabaran penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah. Melalui kaedah kualitatif, kajian ini menelusuri pengalaman sebenar pendakwah dan menyenaraikan cadangan serta pendekatan terbaik dalam menangani isu ini. Penekanan utama diberikan terhadap bagaimana penguasaan bahasa Arab mempengaruhi ketepatan penyampaian dakwah serta kaedah paling berkesan yang boleh diadaptasi dalam konteks masyarakat Malaysia masa kini.

Objektif

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

- a. Mengenal pasti kepentingan penguasaan bahasa Arab dalam tugas dakwah.
- b. Mengenal pasti kaedah yang sesuai dalam menyampaikan dakwah berdasarkan konteks semasa.
- c. Menganalisis cabaran yang dihadapi oleh pendakwah dalam menguasai bahasa Arab.
- d. Merumuskan saranan dan nasihat kepada pendakwah dalam meningkatkan keupayaan berdakwah melalui penguasaan bahasa Arab.

Kerangka Teori

Kajian ini disandarkan kepada gabungan teori komunikasi moden dan pendekatan normatif Islam bagi memahami kepentingan serta cabaran penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah. Tiga kerangka teori dipilih bagi menyokong analisis dan perbincangan kajian ini, iaitu Teori Kompetensi Komunikasi, Teori Pemerolehan Bahasa Kedua dan kerangka Fiqh Dakwah.

Teori Kompetensi Komunikasi (Communication Competence Theory)

Teori ini diperkenalkan oleh (Spitzberg & Cupach (2009) yang mentakrifkan kompetensi komunikasi sebagai keupayaan individu menyampaikan mesej secara berkesan dan bersesuaian dalam konteks tertentu. Terdapat tiga komponen utama dalam teori ini, iaitu *pengetahuan (knowledge)*, *kemahiran (skills)* dan *motivasi (motivation)*. Dalam konteks dakwah, penguasaan bahasa Arab merupakan elemen penting dalam komponen *pengetahuan* dan *kemahiran*, yang menyumbang kepada ketepatan penyampaian mesej agama. Keupayaan pendakwah memahami teks Arab asli dan menyampaikannya kepada khalayak secara tepat mencerminkan tahap kompetensi komunikasi yang tinggi. Teori ini membantu menjelaskan mengapa pendakwah yang lemah dalam bahasa Arab berdepan kesukaran menyampaikan mesej secara sahih dan berkesan.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian eksploratori. Kaedah ini dipilih bagi mendapatkan pemahaman mendalam berkenaan cabaran penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah berdasarkan pengalaman sebenar mereka. Pendekatan ini membolehkan data diperoleh secara langsung melalui temu bual dan dikukuhkan dengan analisis bahan literatur berkaitan.

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk eksploratori bagi memperoleh pemahaman mendalam tentang cabaran penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneroka isu-isu yang bersifat kompleks serta memerlukan penafsiran berdasarkan pengalaman dan persepsi individu yang terlibat secara langsung dalam kegiatan dakwah. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur bersama informan yang memiliki latar belakang pendidikan Islam dan pengalaman praktikal dalam bidang dakwah. Temu bual ini bertujuan menggali pandangan serta pengalaman sebenar berhubung tahap penguasaan bahasa Arab dan kesannya terhadap keberkesanan penyampaian dakwah.

Selain itu, kajian ini turut disokong oleh analisis kepustakaan terhadap bahan-bahan ilmiah yang relevan bagi memperkukuh asas teoretikal dan menambah ketepatan dalam interpretasi dapatan kajian. Gabungan kedua-dua kaedah ini membolehkan kajian memberikan gambaran menyeluruh dan mendalam terhadap isu yang dikaji.

Pemilihan Informan

Pemilihan informan dilakukan secara pensampelan bertujuan atau *purposive sampling* bagi memastikan data yang diperoleh adalah relevan dan kaya dengan maklumat. Empat orang informan terlibat dalam kajian ini, terdiri daripada individu yang aktif dalam bidang dakwah dan mempunyai latar belakang pendidikan Islam, termasuk pengkhususan dalam bahasa Arab, tafsir, fiqh dan dakwah. Kriteria pemilihan meliputi pengalaman dalam menyampaikan ceramah, mengendalikan kelas agama dan memiliki kelayakan akademik dalam bidang pengajian Islam.

Jadual 1.0: Latar Belakang Informan

Informan	Umur	Latar Belakang Pendidikan	Pengalaman Dalam Dakwah
Informan 1	33 tahun	Ijazah – Universiti Mafrq Jordan (Fiqh wa Usuluh) Sarjana – Universiti Amman Jordan PhD – UNISZA Pensyarah di Kolej Universiti Darul Quran Islamiyyah (KUDQI), Terengganu	• Mula berdakwah sejak zaman pengajian sarjana di Jordan. • Terlibat dalam forum dan ceramah agama. • Pendakwah bertauliah dan aktif di peringkat negeri Terengganu.

Informan 2	40 tahun	Ijazah – Universiti Whales, UK Pengajian Islam – Universiti England Pensyarah di KUDQI, Terengganu	• Lebih 14 tahun dalam dakwah. • Aktif menyampaikan kuliah dan ceramah di kawasan tempat tinggal dan masjid.
Informan 3	33 tahun	Institut al-Quran Terengganu Ijazah – Universiti Palembang Indonesia (Tafsir dan Hadis)	• Aktif menyampaikan ilmu melalui usrah, program remaja, dan ceramah di kampung. • Mula berdakwah sejak pengajian di Institut al-Quran Terengganu.
Informan 4	46 tahun	Ijazah Sarjana Dakwah dan Kepimpinan (Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia)	• Aktif terlibat dalam kerja-kerja dakwah selama 20 tahun. • Pengerusi Persatuan Penyelidik Dakwah Malaysia. • Aktif menyampaikan kuliah-kuliah di Masjid dan Surau. • Pembentang kertas kerja Dakwah di Program Seminar Dakwah. • Aktif berdakwah kepada golongan Orang Kurang Upaya.

Kaedah Pengumpulan Data

Temu bual separa berstruktur telah dijalankan secara bersemuka dengan keempat-empat informan yang terlibat dalam kajian ini. Temu bual ini menggunakan senarai soalan panduan yang dirangka khusus bagi membolehkan pengumpulan data yang bersifat terbuka dan mendalam. Pendekatan ini membolehkan informan berkongsi pandangan, pengalaman dan cabaran secara bebas namun tetap berpandukan kepada kerangka objektif kajian. Antara aspek utama yang disentuh dalam sesi temu bual ini termasuklah tahap penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah, kesukaran yang dihadapi ketika menyampaikan dakwah melalui teks-teks Arab, serta pandangan dan cadangan peribadi berdasarkan pengalaman masing-masing dalam bidang dakwah.

Kaedah Analisis Data

Data temu bual dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Proses ini melibatkan langkah transkripsi, pengkodan data, dan pengecaman tema-tema utama yang muncul daripada respons informan. Analisis ini membolehkan pengkaji mengenal pasti corak pemikiran, cabaran utama dan strategi yang digunakan dalam menguasai bahasa Arab. Data daripada kajian perpustakaan digunakan sebagai triangulasi bagi mengesahkan dapatan kajian dan memperkukuh kredibiliti hasil.

Dapatan Kajian

Kajian ini mengenal pasti beberapa tema utama yang berkaitan dengan kepentingan, cabaran serta kaedah penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah. Temu bual yang dijalankan bersama empat orang informan telah mendedahkan pelbagai pandangan yang mencerminkan kepelbagaian pengalaman, latar belakang pendidikan, dan pendekatan dakwah masing-masing. Dapatan kajian ini dirumuskan melalui pemerhatian terhadap tema-tema yang berulang dalam respons para informan.

Kepentingan Penguasaan Bahasa Arab dalam Dakwah

Keempat-empat orang informan sependapat bahawa penguasaan bahasa Arab merupakan aspek yang amat penting bagi para pendakwah memandangkan ia merupakan bahasa utama sumber rujukan Islam, termasuk al-Quran, al-Hadith dan kitab-kitab turath. Menurut Informan 1, seseorang pendakwah harus mampu memahami teks asal dalam bahasa Arab bagi mengelakkan kebergantungan sepenuhnya kepada kitab-kitab terjemahan yang adakalanya tidak menepati maksud sebenar. Beliau turut menegaskan bahawa rujukan utama dalam bidang fiqh dan aqidah, termasuk karya-karya daripada mazhab Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali, kesemuanya ditulis dalam bahasa Arab dan menuntut pemahaman mendalam.

Informan 2 pula menekankan bahawa bahasa Arab ialah bahasa al-Quran dan bahasa syurga. Justeru, adalah mustahil bagi seorang pendakwah untuk memahami serta mentafsirkan isi kandungan wahyu secara menyeluruh tanpa penguasaan terhadap bahasa tersebut. Beliau turut menyatakan bahawa institusi pendidikan Islam tradisional telah lama memberikan penekanan terhadap penguasaan bahasa Arab, dan sewajarnya para pendakwah masa kini meneruskan usaha memperkukuh kemahiran tersebut."

Sementara itu, Informan 3 menyatakan bahawa buku-buku terjemahan tidak semestinya boleh dijadikan sandaran sepenuhnya, kerana kesilapan dalam penterjemahan boleh mengakibatkan penyampaian maklumat agama yang tidak tepat. Oleh itu, menurut beliau, penguasaan bahasa Arab merupakan satu keperluan asas bagi memastikan dakwah yang disampaikan adalah sahih dan menepati ajaran Islam yang sebenar. Informan 4 pula meletakkan penguasaan bahasa Arab sebagai "kunci kefahaman sebenar terhadap agama" kerana kebanyakan ilmu Islam bersifat tekstual dan memerlukan pemahaman terhadap makna literal dan kontekstual. Beliau menegaskan bahawa bahasa Arab bukan sekadar alat komunikasi tetapi juga alat tafsir yang kritikal. Katanya, "tanpa bahasa Arab, kita hanya faham kulit, tapi bukan isi ilmu." Tambah beliau, banyak kesalahan dalam pentafsiran nas berlaku kerana pendakwah hanya bergantung pada terjemahan atau fahaman kedua.

Cabaran dalam Menguasai Bahasa Arab

Informan 1 berkongsi bahawa walaupun beliau menguasai bahasa Arab, cabaran utama adalah menyampaikan kandungan kitab Arab kepada masyarakat dalam bahasa Melayu dengan cara yang mudah difahami. Proses ini tidak semudah terjemahan literal kerana ia memerlukan kefahaman mendalam serta kebolehan mengolah mesej

agar sesuai dengan kefahaman masyarakat tempatan. Informan 2 pula melihat bahawa pendakwah memerlukan ilmu asas seperti nahu, sorof, balaghah dan mantiq untuk memahami teks Arab. Namun, tidak semua pendakwah mempunyai akses atau asas formal dalam bidang ini. Tambahan pula, persekitaran yang kurang menyokong penggunaan bahasa Arab menyebabkan kemahiran tersebut tidak dapat diperkukuhkan melalui amalan harian. Bagi Informan 3, cabaran utama adalah persepsi masyarakat yang menganggap semua pendakwah mesti mahir dalam semua aspek ilmu, termasuk bahasa Arab. Namun realitinya, latar belakang pendidikan pendakwah berbeza-beza. Beliau juga menyatakan bahawa untuk memahami teks Arab, pendakwah perlu meluangkan masa yang cukup untuk meneliti, menterjemah dan memahami kandungan sebelum disampaikan kepada umum. Informan 4 menyatakan bahawa salah satu cabaran utama ialah kekurangan latihan lanjutan selepas menamatkan pengajian di universiti. Menurutnya, ramai graduan pengajian Islam mula mengabaikan amalan membaca teks Arab secara aktif selepas tamat belajar. Ini menyebabkan kemahiran bahasa mereka menjadi lemah secara beransur-ansur. Beliau juga menyebut tentang masalah kurangnya platform komuniti untuk pendakwah berlatih dan berinteraksi dalam bahasa Arab, serta kurangnya budaya ilmiah yang menyokong perbincangan kitab secara kolektif.

Nasihat dan Saranan Kepada Pendakwah

Informan 1 menggariskan lima sifat penting yang harus dimiliki oleh pendakwah berdasarkan al-Quran, iaitu: beriman kepada Allah, ikhlas, berani, sabar, dan tidak mudah berputus asa. Beliau mengingatkan bahawa pendakwah akan sentiasa diuji, dan hanya mereka yang benar-benar ikhlas dan teguh imannya akan kekal dalam perjuangan dakwah.

Informan 2 pula menyatakan bahawa dakwah adalah tanggungjawab setiap Muslim, bukan hanya golongan ustaz atau ustazah. Oleh itu, beliau menekankan perlunya setiap pendakwah terus menuntut ilmu, walaupun telah lama dalam bidang ini. Semangat untuk terus belajar adalah sifat yang wajib dipupuk.

Informan 3 memberi penekanan terhadap aspek adab dan rendah diri dalam kalangan pendakwah. Beliau menyarankan agar pendakwah memahami latar belakang mad'u sebelum menyampaikan dakwah, agar pendekatan yang digunakan sesuai dan berkesan. Dakwah yang disampaikan tanpa mengambil kira keadaan audiens boleh menjadi tidak relevan dan kurang diterima. Nasihat utama yang diberikan oleh Informan 4 kepada para pendakwah ialah agar sentiasa bersifat tawaduk dan tidak merasa puas dengan ilmu yang dimiliki. Beliau menekankan pentingnya mencontohi para ulama terdahulu yang mendedikasikan kehidupan mereka untuk menuntut ilmu serta menyampaikannya dengan penuh hikmah. Di samping itu, beliau menyarankan agar para pendakwah melibatkan diri secara aktif dalam masyarakat, memahami latar budaya setempat, dan mengelakkan daripada menggunakan bahasa yang terlalu tinggi atau teknikal sehingga menyukarkan pemahaman khalayak umum. Menurut beliau, 'Dakwah bukanlah tentang siapa yang paling berilmu, tetapi siapa yang paling memahami insan yang ingin dibimbing

Bagi memudahkan perbandingan dan pemahaman terhadap pandangan yang dikemukakan oleh setiap informan, maklumat utama daripada sesi temu bual telah

dirumuskan dan disusun dalam bentuk jadual seperti dalam 2.0 yang merangkumi empat tema utama, iaitu kepentingan penguasaan bahasa Arab, cabaran yang dihadapi oleh para pendakwah, kaedah penyampaian dakwah yang disarankan, serta nasihat yang dikongsikan berdasarkan pengalaman masing-masing dalam bidang dakwah:

Jadual 2.0: Rumusan Pandangan Informan

Tema	Informan 1	Informan 2	Informan 3	Informan 4
Kepentingan Bahasa Arab	Sumber kitab muktabar	Bahasa al-Quran dan syurga	Terjemahan tidak tepat	Kunci ilmu dan tafsir
Cabaran	Sukar sampaikan dalam BM	Perlu kuasai ilmu alat	Persepsi masyarakat	Tiada amalan selepas belajar
Kaedah Dakwah	Media sosial dan keperibadian	Ikut kemampuan individu	Halaqah kecil/usrah	Gabung tradisi dan teknologi
Nasihat	Iman, sabar, ikhlas, berani	Semua Muslim pendakwah	Sentiasa tambah ilmu	Fahami audiens dan budaya

Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang diperoleh melalui temu bual bersama empat orang informan yang mewakili latar belakang berbeza dalam bidang dakwah. Perbincangan ini disusun berasaskan tema-tema utama yang dikenal pasti daripada hasil temu bual, dan diperkuat dengan sokongan literatur terdahulu serta pendekatan teoretikal yang berkaitan dengan dakwah dan penguasaan bahasa Arab.

Penguasaan Bahasa Arab Sebagai Asas Dakwah

Penguasaan bahasa Arab merupakan asas utama dalam pelaksanaan dakwah yang berkesan, sebagaimana yang disepakati oleh kesemua informan. Bahasa Arab tidak hanya berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga merupakan bahasa wahyu dan sumber utama ilmu Islam. Seperti yang ditegaskan oleh Informan 1 dan 2, ketiadaan kefahaman terhadap teks asal berbahasa Arab boleh mengakibatkan penyampaian maklumat yang tidak tepat atau bersifat separa benar. Pandangan ini turut disokong oleh kajian (Md Noor Hussin et al. 2018) yang menyatakan bahawa penguasaan bahasa Arab membolehkan umat Islam memahami isi kandungan al-Quran dan hadith secara sahih dan menyeluruh. Informan 4 pula menekankan bahawa bahasa Arab merupakan kunci untuk memahami bukan sahaja teks tetapi juga metodologi tafsir dan manhaj para ulama terdahulu. Pendekatan ini selari dengan prinsip fiqh dakwah yang menuntut penguasaan terhadap sumber primer secara langsung, bukan semata-mata bersandarkan kepada terjemahan. Dalam konteks ini, dakwah tanpa penguasaan bahasa Arab diumpamakan seperti seorang pemandu yang cuba membaca peta dalam bahasa asing mesej mungkin disampaikan, namun berisiko besar untuk tersasar

daripada maksud asal. "Dapatan ini bertepatan dengan Teori Kompetensi Komunikasi oleh Spitzberg & Cupach (2009) yang menekankan keperluan tiga komponen utama pengetahuan, kemahiran dan motivasi dalam memastikan keberkesanan penyampaian mesej. Penguasaan bahasa Arab menyumbang kepada kedua-dua komponen pengetahuan dan kemahiran, yang membolehkan pendakwah menyampaikan mesej Islam secara sahih dan sesuai dengan konteks mad'u.

Cabaran Realiti dalam Penguasaan Bahasa Arab

Meskipun kesedaran tentang kepentingan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pendakwah adalah tinggi, realiti semasa menunjukkan bahawa pencapaian dalam aspek ini masih menghadapi pelbagai kekangan. Informan 1 berkongsi cabaran dalam menterjemahkan ilmu daripada teks asal berbahasa Arab kepada bahasa Melayu dengan cara yang mudah difahami oleh masyarakat umum. Proses ini bukan sahaja memerlukan kefahaman bahasa semata-mata, malah turut menuntut kemahiran pedagogi serta kepekaan terhadap latar budaya khalayak. Informan 2 dan 3 pula menyorot cabaran berkaitan penguasaan ilmu-ilmu alat seperti nahu, *sarf* dan *balaghah*, yang semakin terpinggir atau kurang ditekankan dalam sistem pendidikan formal. Tambahan pula, persepsi masyarakat bahawa seorang pendakwah harus menguasai segala aspek ilmu agama turut memberikan tekanan mental dan emosi kepada golongan ini. Sementara itu, Informan 4 mengetengahkan isu kemerosotan penguasaan bahasa Arab pasca pengajian, apabila graduan tidak lagi berada dalam persekitaran yang menyokong penggunaan bahasa tersebut secara aktif. Keadaan ini menyebabkan kemahiran yang dimiliki semakin luntur akibat kurangnya praktis. Dapatan ini seiring dengan kajian Khairulazam Abdul Rahman & Harun Baharudin (2023) yang menunjukkan bahawa persekitaran bahasa memainkan peranan penting dalam pembentukan kosa kata serta kecekapan pelajar dalam berbahasa Arab. Maka itu, pengukuhan penggunaan bahasa Arab dalam konteks sosial dan profesional merupakan satu keperluan yang mendesak demi memastikan kelangsungan dakwah yang sahih dan berkesan. Menurut Teori Kompetensi Komunikasi oleh Spitzberg & Cupach (2009), kekurangan kemahiran linguistik boleh menyebabkan mesej dakwah menjadi kabur atau tidak difahami, seterusnya mengurangkan keberkesanan dakwah dan mencetuskan salah tafsir.

Pelbagai Kaedah Dakwah yang Fleksibel dan Kontekstual

Perbincangan mendapati bahawa kaedah dakwah yang berkesan bukan bersifat tunggal. Informan 1 dan 3 mencadangkan pendekatan halaqah kecil sebagai kaedah yang lebih efektif kerana membolehkan komunikasi dua hala, interaksi lebih fokus, dan meningkatkan kefahaman peserta. Informan 4 menambah bahawa gabungan antara pendekatan tradisi (seperti halaqah dan pengajian kitab) dan teknologi moden (media sosial, siaran langsung, podcast) adalah kunci untuk mendekati golongan muda dan profesional bandar. Pandangan ini bertepatan dengan teori komunikasi dakwah yang menyatakan bahawa keberkesanan dakwah bergantung kepada pemilihan saluran komunikasi yang sesuai dengan latar belakang dan budaya audiens (Nurul Anis Fariza Abu Osman & Khazri Osman 2024). Informan 2 pula mengingatkan bahawa dakwah boleh dilakukan dalam pelbagai bentuk, termasuk

penulisan, akhlak yang baik, dan interaksi harian – selagi mesejnya sampai dengan hikmah.

Nilai-Nilai Teras dalam Diri Pendakwah

Satu lagi tema penting yang muncul daripada kajian ini ialah nilai-nilai peribadi yang harus dimiliki oleh seorang pendakwah. Informan 1 menyatakan bahawa pendakwah mesti beriman, ikhlas, berani, sabar, dan tidak mudah berputus asa – nilai-nilai ini sangat penting untuk mengekalkan keteguhan dalam menyampaikan dakwah meskipun berdepan pelbagai ujian. Informan 2 dan 3 pula menekankan kepentingan menuntut ilmu secara berterusan serta mengekalkan adab sebagai orang berilmu. Seorang pendakwah yang angkuh akan kehilangan keberkatan dakwahnya. Informan 4 pula memberi penekanan kepada kebolehan membaca audiens serta memahami budaya komuniti yang didakwahkan. Menurut beliau, pendakwah yang berkesan adalah mereka yang mampu menyampaikan mesej Islam dalam bahasa dan konteks yang boleh dihadam oleh masyarakat, tanpa mengorbankan prinsip-prinsip agama. Pandangan ini sejajar dengan firman Allah SWT dalam Surah al-Nahl ayat 125 yang menekankan kepentingan menyampaikan dakwah dengan hikmah dan nasihat yang baik.

Kesimpulan

Penguasaan bahasa Arab merupakan aspek asas yang tidak boleh dipisahkan daripada keperluan berdakwah secara berkesan. Berdasarkan Teori Kompetensi Komunikasi, penguasaan bahasa Arab bukan sahaja menjadi instrumen linguistik, malah elemen asas kepada kredibiliti dan keberkesanan komunikasi dakwah. Maka, latihan dan pembinaan kapasiti pendakwah perlu menjadikan pengukuhan kemahiran ini sebagai teras pembangunan profesional. Bahasa ini bukan sahaja menjadi medium kepada sumber primer Islam, tetapi juga menjadi alat utama dalam memahami dan menyampaikan ajaran secara tepat dan sahih. Dalam konteks dakwah di Malaysia, cabaran utama bukan sekadar kekurangan kemahiran bahasa, tetapi juga tekanan persepsi, kurangnya latihan lanjutan, serta kelemahan dalam penghayatan kandungan teks asal berbahasa Arab. Walaupun ramai pendakwah menyedari kepentingan bahasa Arab, realitinya tidak semua berpeluang atau berupaya menguasainya pada tahap mendalam. Penggunaan terjemahan tanpa kefahaman kontekstual sering kali membawa risiko tafsiran yang tidak tepat, sekali gus menjejaskan keberkesanan penyampaian. Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan bersepadu perlu diberi perhatian termasuk latihan berterusan, penglibatan aktif dalam komuniti ilmiah, dan penggunaan kaedah dakwah yang kontekstual serta fleksibel. Pendekatan yang menggabungkan elemen tradisional dan teknologi moden bukan sahaja mampu menarik minat khalayak pelbagai latar belakang, tetapi turut membantu memperkukuh kredibiliti pendakwah sebagai penyampai ilmu yang benar. Secara keseluruhan, penguasaan bahasa Arab bukan sekadar satu kemahiran tambahan, tetapi menjadi indikator kepada tahap keilmuan, kefahaman dan kebertanggungjawaban seseorang pendakwah dalam membawa mesej Islam kepada masyarakat.

Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan untuk perhatian pihak berkepentingan seperti berikut:

1. **Pengukuhan Akademik dan Profesionalisme Pendakwah**
Institusi pengajian tinggi Islam disarankan untuk memperkukuh kurikulum bahasa Arab dalam program dakwah, dengan penekanan terhadap aplikasi teks klasik secara praktikal serta latihan komunikasi dakwah yang berkesan. Modul pengajaran wajar merangkumi pendekatan kontekstual dan responsif terhadap kepelbagaian latar khalayak, agar para pendakwah lebih bersedia menyampaikan mesej Islam dengan tepat, berhemah dan berkesan.
2. **Dasar Intervensi dan Latihan Pascapengajian**
Agensi berkepentingan seperti JAKIM dan Majlis Agama Negeri digalakkan merangka program khas pengukuhan bahasa Arab untuk pendakwah lepasan universiti. Inisiatif seperti halaqah kitab berstruktur, bimbingan dalam talian, serta platform latihan sendiri berasaskan teknologi digital berpotensi menyokong kelangsungan penguasaan bahasa dan memperkukuh kompetensi komunikasi dakwah dalam jangka masa panjang.
3. **Kajian Lanjutan**
Kajian lanjutan dicadangkan menggunakan pendekatan triangulasi data melalui kaedah pemerhatian atau analisis wacana terhadap khutbah dan ceramah pendakwah. Selain itu, penyertaan pendakwah wanita serta perbandingan antara pelbagai institusi pendidikan Islam termasuk institusi pondok, sekolah agama dan IPTA dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai dimensi penguasaan bahasa Arab dalam konteks dakwah kontemporari di Malaysia.

Rujukan

1. Burhanuddin & Maulana Yusuf. 2015. Bahasa arab berbasis dakwah dalam era modern: transformasi pesan islam. *Jurnal Sosial dan Humaniora*. 1 (3):105-14.
2. Bustanol Arifin. 2018. Strategi komunikasi dakwah da'i hidayatullah dalam membinamasyarakat pedesaa. *Communicatus: Jurnal Ilmu Komunika*. 2 (2):159–78. <http://journal.uinsgd.ac.id/index.php/cjik>.
3. Khairulaizam Abdul Rahman & Harun Baharudin. 2023. Pengaruh persekitaran bahasa terhadap penguasaan kosa kata arab pelajar. *Issues in Language Studies*. 12 (1):71–89.
4. Md Noor Hussin, Saifulah Samsudin & Mohd Zaki Ahmad. 2018. Kepentingan dan keperluan mempelajari bahasa al-quran. Dlm. *Persidangan Antarabangsa Isu-Isu Semasa Al-Quran Dan Hadis (THIQAH)*, hlm. 275–82. Selangor.
5. Mohammad Imran Ahmad. 2017. Model analisis keperluan bahasa arab untuk pelancongan islam. Dlm. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3*, hlm. 81–116. Bangi, Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

6. Nurul Anis Fariza Abu Osman & Khazri Osman. 2024. Cabaran pendakwah dalam menguasai bahasa arab. Dlm. *Seminar Dakwah & Wahdah Al-Ummah 2024*, hlm. 1–8. Bangi, Selangor: FPI UKM.
7. Spitzberg, B.H. and Cupach, W.R. 2009. *Interpersonal Communication Competence*. San Diego: Sage Publication.
8. Umar & Qadaruddin. 2021. H muhammad abduh pabbajah's da'wah to the community in the city of parepare. *Al-Afkar: Journal of Islamic Studies and Society*. 2 (2):160–80.